

**Najib: China Minat Tingkatkan Kerjasama Ekonomi Dengan Malaysia**  
**Bernama**  
**23 Mac, 2013**

KUANTAN, 23 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kerajaan China berminat meningkatkan kerjasama dengan Malaysia terutama dalam sektor ekonomi dan perdagangan.

Beliau berkata perkara itu disuarakan Perdana Menteri baharu China, Le Keqiang ketika dihubungi dua hari lepas untuk menyampaikan ucapan tahniah atas pelantikannya.

"Antara projek yang disebut beliau ialah Malaysia-China Industrial Park, yang mendapat sokongan kuat beliau selaku perdana menteri yang baharu," katanya pada jamuan malam dan pertunjukan amal untuk mengisi tabung pembinaan Sekolah Menengah Chong Hwa, Kuantan, di sini.

Turut hadir isteri perdana menteri Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob dan isteri, Duta Cina ke Malaysia Datuk Chai Xi, menteri-menteri kabinet, Pengerusi Lembaga Pengelola Chong Hwa Kuantan Tan Sri Pheng Yin Huah, dan bintang antarabangsa Jackie Chan.

Najib berkata rakan sejawatnya dari China itu turut menganggap Malaysia sebagai antara yang rapat dengan negara kuasa ekonomi itu, dan yakin projek taman perindustrian tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=936893>